

# AJK tertinggi KRP kunjungi Naib Canselor UMS

UB 3.1.2018 A4

KOTA KINABALU: Kelab Rakan Pustaka (KRP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diketuai oleh Timbalan Presiden 1 Nursyafika Mikin telah membuat kunjungan hormat ke atas Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamarudin D Mudin.

Kunjungan itu turut disertai oleh dua AJK Kelab itu, Siti Zaleha Abdul Tahar dan Syahrul Fitri Abdul Sukor, dan turut dihadiri oleh Mentor i-Leader KRP serta pelajar Ph.D dan Master UMS, Noor Aini

Bohari, Asfarina Ismail, Salwa Naidin dan Ghafur Rahim Mustakim.

Menurut Nursyafika kunjungan itu bertujuan memperkenalkan KRP berserta visi dan misi penubuhan kelab itu di UMS selain untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada Kamarudin bagi memperbaiki pelaksanaan program-program di bawah kelab itu.

Katanya, Kamarudin amat tertarik dengan siri-siri program yang telah dilaksanakan oleh KRP dan

mencadangkan agar kelab itu menjadi sebahagian daripada pemikir dan pemberi idea kepada pentadbir Perpustakaan UMS untuk melakukan perubahan serta melaksanakan program-program yang dapat menaikkan lagi nama perpustakaan UMS.

Kamarudin berkata, KRP perlu berpandangan lebih jauh ke hadapan dengan membuat lawatan ke luar negara untuk melihat sendiri keunikan sistem perpustakaan di universiti lain.

Antaranya perpustakaan Universiti Kho Kaen, Taiwan, Universiti Hong Kong dan Universiti Singapura.

“Lawatan ke perpustakaan di luar negara ini perlu dijadikan sebagai penanda aras terhadap perpustakaan UMS,” katanya.

Kamarudin turut menyokong usaha yang dilakukan KRP UMS bagi meningkatkan lagi mutu dan pelaksanaan program di bawah KRP yang sekaligus mampu menaikkan nama perpustakaan UMS.



**KAMARUDIN (empat kiri) bergambar bersama ahli rombongan KRP selepas kunjungan hormat itu.**